

19 OCT 2002

PERDANA MENTERI DIJADUALKAN RASMI PERSIDANGAN SUPP

BINTANGOR, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) pada 20 Dis ini.

Setiausaha agung SUPP Datuk Sim Kheng Hui berkata persidangan perwakilan tiga tahun sekali itu akan diadakan selama tiga hari bertempat di ibu pejabat parti di Kuching.

Katanya, persidangan Pergerakan Wanita dan Pemuda SUPP akan diadakan pada 19 Dis.

Beliau berkata sebagai persediaan kepada persidangan berkenaan, semua 33 cawangan SUPP telah diarah mengadakan mesyuarat perwakilan dan pemilihan sebelum 25 Nov ini.

-- BERNAMA

ESS MOZ